

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
(HULU RAJANG)**

**TARIKH : 10.6.2015  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk meneruskan Projek Jiwa Murni bagi memperluaskan rangkaian jalan perhubungan bagi penduduk Pekan Belaga Ke Punan Bah kemudian disambung ke Nanga Merit dan akhirnya ke bahagian Kapit. Masyarakat mulai risau mengenai peristiwa bot karam pada tahun 2013 dan tiada jalan alternatif lain selain daripada jalan sungai.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Apabila Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menyiapkan projek pembinaan jalan dari Kg Menjawah, Bakun ke Belaga pada tahun 2013 melalui program Projek Jiwa Murni (PJM), Ahli Parlimen Hulu Rajang dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Belaga telah pun memajukan satu permohonan peruntukan untuk membina jalan dari Belaga ke Nanga Merit (Bahagian Kapit) kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. ATM sentiasa bersedia melaksanakan pembinaan tersebut setelah mendapat peruntukan dari ICU.**